

Morfologi/ Frasa/ Sintaksis/ Peribahasa

1. Dalam bahan di bawah ini, terdapat **kesalahan-kesalahan ejaan**. Kenal pasti **dua** kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan.

PENGUMUMAN

**NOTIS GANGGUAN DI LAMAN SESAWANG
POS MALAYSIA BERHAD**

Pelanggan yang dihormati,
Untuk makluman, semua laman sesawang Pos Malaysia tidak dapat diekses kerana sedang mengalami gangguan teknikal.

Pasukan teknikal kami sedang dalam proses membaikpulih masalah teknikal ini.

Pos Malaysia memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi.

Terima kasih.



(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

2. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Kami terkejut bila menerima berita kemalangan Cikgu Ahmad di Pulau Pinang.

(ii) Senarai ahli-ahli jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru tahun 2024 telah dipaparkan pada papan kenyataan sejak dua hari yang lalu.

[2 markah]

3. Baca arahan dengan telitinya dan jawab semua soalan yang diberikan. Kenal pasti **subjek** dan **predikat** bagi ayat di bawah ini. Kemudian, tulis jawapan pada ruang jawapan yang disediakan.

(i) Amirul dan adik-adiknya sangat sayang akan ibu dan ayah mereka.

Subjek: _____

Predikat: _____


- (ii) Penduduk Kampung Aman membersihkan kawasan taman permainan kanak-kanak.

Subjek: _____

Predikat: _____

[4 markah]

4. Lihat bahan di bawah ini dengan telitinya.
Berdasarkan bahan tersebut, tulis **dua** kata hikmat yang sesuai.



(i) _____

(ii) _____